

VOLUME III
SERIES II
OCTOBER 2022

arte

Art and Expression

ART + COMMUNITY

EDUCATION



© Unit Penerbitan UiTM Perak, 2022

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission on writing from the director of Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

No eISSN: 2805-5071

Cover Design: Nur Muhammad Amin Bin Hashim Amir
Typesetting : Syed Alwi Bin Syed Abu Bakar (Dr.)¹
Aznan Bin Omar (Dr.)²

E

Editorial Board

PATRON OF HONOR

Professor Sr Dr Md Yusof Hamid AMP
(Rector, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

ADVISOR

Dr Zainudin Md Nor
(Head of the Faculty, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHAIRMAN

Dr Aznan Omar¹
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Dr Hamidi Hadi²
(Program Coordinator, Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF EDITORS

Dr Syed Alwi Syed Abu Bakar¹
(Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Dr Aznan Omar²
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

EDITORS

Dr Hamidi Hadi
Pn Noor A'yunni Muhamad
Pn Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad
En Noor Enfendi Desa
Dr Azian Tahir
En Mahizan Hijaz Mohammad
Pn Nur Adibah Nadiyah Mohd Aripin
En Muhammad Salehuddin Zakaria
Pn Hairulnisak Merman
En Anwar Fikri Abdullah
En Nur Muhammad Amin Hashim Amir

SECRETARY

Pn Noor A'yunni Muhamad¹
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

Pn Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad²
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

TREASURER

En Noor Enfendi Desa
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF PANEL REVIEW

Dr Azian Tahir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF TRANSLATOR

En Mahizan Hijaz Mohammad
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF DOCUMENTATION

Pn Nur Adibah Nadiyah Mohd Aripin
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

LEAD PROMOTER

En Muhammad Salehuddin Zakaria
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF TECHNICAL

Pn Hairulnisak Merman¹
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

En Anwar Fikri Abdullah²
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

LEAD DESIGNER

En Nur Muhammad Amin Hashim Amir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

COMMITTEE MEMBER

Cik Afina Zalifah Zat Azeni
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

KAJIAN SEMANGAT NASIONALISME DI DALAM LIRIK LAGU

Sabah Tanah Airku 1963, Sabah Bangkit 2020 Dan Original Sabahan 2018

a chapter by

SULINA BINTI LATIP & ZAINATUL SHUHaida BINTI ABDULL RAHMAN (DR.)



Abstrak

Penulisan ini memfokuskan tiga buah lirik lagu nasionalisme negeri Sabah iaitu lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabahan. Penulisan ini bertujuan untuk mengetahui semangat nasionalisme dalam lirik lagu dan hubungkait antara lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabahan menggunakan teori semiotik. Penelitian ini menggunakan teori semiotik Ferdinand De Saussure, objek kajian dalam penulisan ini adalah mengenal pasti semangat nasionalisme di dalam lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabah serta menganalisis makna yang terdapat dalam lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabah. Hujahan esei ini turut menekankan kekreatifan pencipta lirik lagu tersebut dalam menghasilkan lirik lagu serta gaya bahasa yang digunakan di disetiap bait lirik lagu yang membawa makna serta mesej yang tersendiri. Justeru, fokus hujahan ini adalah untuk menganalisis perlambangan dan gaya bahasa untuk mengenal pasti semangat nasionalisme yang terdapat dalam lirik lagu yang dipilih. Topik ini juga berkaitan dengan penanda dan petanda yang membawa makna dalam lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabahan. Dapatan kajian menunjukkan semangat nasionalisme yang perlu ada dalam diri setiap individu dan kepentingan menjaga keistimewaan sesebuah negeri khususnya negeri Sabah.

Pengenalan

Muzik adalah sebahagian daripada karya kreatif yang boleh dikenalpasti daripada sejarah asal-usul manusia. Definisi muzik berdasarkan kamus dewan, muzik merupakan gubahan bunyi yang menghasilkan bentuk dan irama indah serta menyenangkan. Selain itu, muzik juga adalah

satu cabang seni yang menggabungkan bunyi dan suara kepada sesebuah karya yang unik seperti yang kita dengarkan pada masa kini. Oleh demikian, kajian ini berfokus kepada tiga buah lirik lagu iaitu lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabahan. Hal ini kerana, melalui lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabahan menunjukkan muzik merupakan salah satu medium untuk berkomunikasi. Rentak dan irama memainkan peranan penting dalam menyampaikan komunikasi tidak verbal. Kehidupan berkomunikasi digambarkan dengan jelas dalam lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original sabahan dan ia merupakan perkara yang lazim dilakukan oleh pencipta kreatif seperti penulis lirik dan pemuzik dimana menggambarkan suatu komunikasi bukan lisan dalam bentuk semiotik bunyi untuk memberi tanda atau petanda terhadap sesuatu mesej.

Permasalahan Kajian

Berdasarkan permasalahan yang dihadapi, kajian terhadap semangat nasionalisme akan dilakukan iaitu dengan memberi tumpuan kepada tiga buah lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabahan serta makna yang terdapat dalam setiap lirik lagu tersebut. Justifikasi kajian ini dijalankan ialah untuk menjawab permasalahan yang berkaitan dengan kelompangan kajian terhadap semangat nasionalisme dalam lirik lagu yang dipilih. Seterusnya pengkaji ingin mengetahui adakah teori yang digunakan teori semiotik boleh dikaitkan dengan kajian ini. Justeru itu, kajian ini ingin menganalisis makna yang terdapat dalam lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabahan. Maka, kajian yang dijalankan ini akan menyelesaikan semua masalah yang dihadapi dengan melakukan kajian semangat nasionalisme di dalam lirik lagu dan melihat sejauh mana teori yang digunakan mampu mem-

berikan penjelasan dan huraian mengenai semangat nasionalisme.

Objektif Kajian

Pengkaji memfokuskan kepada beberapa aspek tertentu sahaja untuk mencapai objektif pertama dan kedua berdasarkan kajian. Disebabkan itu, pengkaji akan memberikan penekanan terhadap aspek perlambangan dan gaya bahasa bagi mengenal pasti semangat nasionalisme di dalam lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabahan. Lanjutan itu, penanda dan petanda pula bagi menganalisis makna yang terdapat di dalam lirik lagu yang dipilih dengan menggunakan teori semiotik.

Tinjauan Literatur

Muzik juga merupakan satu cabang seni dan sains yang menggabungkan bunyi-bunyi vokal serta instrumen termasuklah bunyi-bunyi semula jadi yang didengari di persekitaran atau rekaan menggunakan satu cara yang dianggap mampu memuaskan pendengar muzik tersebut yang mempunyai nilai-nilai estetika, corak pemikiran dan emosi manusia yang boleh mencerminkan sesuatu budaya tertentu. Menurut Ambarul Fatima Setiawati et al (2021) lagu dapat dikategorikan sebagai wacana puisi yang memiliki ciri bahasa seperti karya sastera lainnya. Melalui lagu juga, pengarang dapat menyampaikan perasaannya dan makna dalam setiap lirik lagu yang dihasilkan dengan pilihan kata-kata yang tercantum dalam lirik serta lantunan muzik. Menurut Rahmadya Putra Nugraha (2016) dalam kajiannya muzik merupakan sebuah bentuk seni melalui media berupa suara. Dimana ia dapat dikategorikan sebagai puisi dalam karya sastra. Manakala, menurut kajian yang dijalankan oleh Shazlin Amir Hamzah (2020) semangat nasionalisme boleh dirasakan melalui lagu-lagu patriotik pada bila-bila masa sahaja. Bagi mengkaji semangat nasionalisme di dalam lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabahan, pengkaji menggunakan teori semiotik bagi melihat dengan jelas mesej yang terdapat dalam lirik lagu yang dipilih. Definisi semiotik ialah menurut Rahmadya Putra Nugraha (2016) semiotik mempelajari sistem-sistem, aturan-aturan,

konvensi-konvensi yang memungkinkan tanda-tanda tersebut mempunyai arti. Teori Semiotik Saussure menjelaskan bahawa semiotik memiliki 3 unsur yang saling berhubung iaitu penanda, petanda dan signifikasi. Melalui sorotan kajian lepas, menurut M Fazmi Hisham et al (2019) dalam kajian mereka yang berjudul ‘Analisis Semiotik Watak Dalam Filem Terbaik Dari Langit’ menyatakan mesej dalam sesebuah filem akan cuba disampaikan kepada khalayaknya dengan menggunakan bahasa filem atau sinematik filem yang berbeza daripada lakonan, naratif dan plot. Justeru itu, lirik lagu juga dapat menyatakan mesej dan makna setiap bait dan rangkap lagu dengan mendengar lagu tersebut serta memahami lirik lagu yang didengari. Selain itu, menurut Arvido Irsandi Devara Putra (2018) dalam lirik lagu terdapat tanda-tanda yang secara tidak langsung memiliki makna, jika digali akan mendapatkan intisari lagu yang sesungguhnya. Oleh demikian, 3 buah lirik lagu yang dipilih dalam penulisan ini memiliki makna yang tersirat di dalam setiap lirik lagu tersebut.

Analisis Kajian/ Perbincangan

Pengkaji memfokuskan terlebih dahulu kepada tiga buah lirik lagu yang dipilih iaitu lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit, dan original Sabahan. Pengkaji juga akan melihat aspek perlambangan dan gaya bahasa bagi mengenal pasti semangat nasionalisme di dalam lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit, dan original Sabahan. Pengkaji juga akan memilih beberapa rangkap lirik lagu yang bagi menghuraikan lagi gaya bahasa yang terdapat di dalam lirik lagu yang dipilih pengkaji. Justeru itu, analisis dan perbincangan dalam penulisan ini menggunakan teori semiotik bagi memperjelaskan lagi makna dan mesej yang disampaikan disetiap bait lirik lagu yang dipilih oleh pengkaji. Hal ini juga, pengkaji memilih beberapa bait dan rangkap lirik lagu untuk mencari makna yang terdapat di dalam lirik lagu yang dipilih menggunakan teori semiotik Ferdinand De Saussure. Teori semiotik Ferdinand De Saussure memberikan penekanan terhadap aspek penanda dan petanda bagi mencari makna di setiap lirik lagu nasionalisme negeri Sabah. Dimana aspek penanda (signifier), dan petanda (signified) akan menghuraikan makna di dalam lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit

it, dan original Sabahan untuk mengetahui mesej yang cuba disampaikan oleh penulis lirik mahupun penyanyi lagu tersebut.

Perlambangan

Perlambangan ataupun lambang adalah simbol yang membawa makna bagi sesuatu perkataan bertujuan untuk menegaskan makna perkataan yang cuba di sampaikan. Hal ini kerana, cinta akan negara atau lebih dikenali sebagai patriotisme adalah semangat cinta akan negara yang ada pada diri yang lebih menekankan nilai, kepercayaan dan keamanan. Manakala nasionalisme pulak, menekankan mengenai perpaduan, budaya dan sebagainya. Menurut Mohd Rumaizuddin Ghazali dan Mohd Rushdan Jalani (2015) nasionalisme diertikan sebagai kesedaran individu atau kumpulan akan keahliannya dalam sebuah negara, serta keinginan untuk mempertahankan negaranya, kebebasan dan kemakmuran. Dalam penulisan ini, pengkaji akan mengenal pasti semangat nasionalisme di dalam lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabahan dengan mengkaji aspek perlambangan. Hal ini demikian, pengkaji akan memperjelaskan lagi lambang cinta akan negara serta keistimewaan negeri Sabah. Mohammad Haris Abd Azis (2016) menyatakan nilai cinta akan negara telah menonjolkan penggunaan leksikal “cinta” dalam golongan kata adjektif yang mendominasi kekerapan perkataan dalam penulisan lagu patriotik mahupun nasionalisme.

Seperti yang kita ketahui pada masa kini, semangat nasionalisme dan patriotisme dapat dipupuk dengan pelbagai cara serta inisiatif. Misalnya dengan mendengarkan lagu-lagu yang berunsurkan patriotisme dan nasionalisme khususnya pada tiga buah lirik lagu yang dipilih. Menurut Zabidin Ismail (2014) menjelaskan nasionalisme boleh dikatakan suatu keadaan pemikiran yang membentuk sikap kesetiaan jitu warga terhadap negaranya. Oleh hal yang demikian, lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabahan mempunyai lirik yang tersendiri dengan keunikan yang terdapat di dalam lirik lagu tersebut.

Lambang cinta akan negara dapat dilihat pada lirik lagu Sabah tanah airku dan Sabah

bangkit. Dimana, lirik lagu tersebut sudah jelas memaparkan semangat nasionalisme dengan cinta pada negeri Sabah, rakyat yang bersatu padu, dan kepelbagaian budaya yang terdapat pada negeri Sabah. Bagi lirik lagu original Sabahan pulak, lebih menjelaskan dan menekankan asal usul dan keistimewaan negeri Sabah. Setiap rangkap dan bait ketiga-tiga lirik lagu tersebut memberikan makna yang cukup bermanfaat kepada rakyat Sabah mahupun yang lain. Semangat cinta akan negara dapat mengekalkan keharmonian, keamanan negara dan mampu memupuk perpaduan antara kaum dan bangsa. Oleh hal yang demikian, semangat cinta akan negara penting dan harus ada dalam diri setiap insan bagi membentuk sebuah negara yang aman dan bebas dari pelbagai pengaruh luar. Dalam analisis perlambangan ini, tiga buah lirik lagu yang dipilih pengkaji berkait rapat dengan semangat cinta akan negara dan keistimewaan negeri Sabah. Dimana lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabahan jelas dilihat dalam mesej yang terkandung seperti dalam lirik lagu tersebut.

Semangat cinta akan negeri Sabah, dimana rakyat atau masyarakat negeri Sabah mempunyai semangat yang luar biasa dalam mempertahankan negeri tersebut. Selain itu, dengan semangat yang ada pada diri, rakyat negeri tersebut mampu mempertahankan dan memajukan negeri Sabah seperti yang tertera dalam lirik lagu Sabah tanah airku dan Sabah bangkit. Kedua-dua lirik lagu ini adalah lambang cinta rakyat pada negeri Sabah, dengan menekankan semangat yang harus ada dalam diri dan kebangkitan rakyat untuk mempertahankan nama serta maruah negara bangsa. Lirik lagu yang dipilih pengkaji menjelaskan jati diri anak bangsa dalam mempertahankan negeri Sabah daripada pengaruh dan perkara buruk.

Manakala lirik lagu yang ketiga dalam penulisan ini adalah original Sabahan yang menjelaskan dan mempersembahkan lambang keistimewaan negeri di bawah bayu tersebut. Keistimewaan negeri Sabah yang mempunyai kepelbagaian agama dan bangsa. Namun perbezaan agama dan bangsa tersebut menjadi tunjang utama dalam mengekalkan keistimewaan negeri tersebut. Misalnya, ikatan persaudaraan antara agama dan kaum lain yang tanpa mengira agama, bangsa dan kaum. Oleh hal yang demikian, latar belakang

masyarakat yang terdapat di Sabah juga merupakan salah satu keistimewaan yang terdapat pada negeri Sabah. Segelintir masyarakat negeri tersebut masih mengamalkan adat dan tradisi dahulu demi menjaga dan memelihara keistimewaan tersebut dan berharap keistimewaan yang terdapat di negeri Sabah tidak ditelan zaman. Demi negeri yang tercinta rakyat negeri Sabah juga sentiasa hidup bertolak ansur agar tidak berlaku kekacauan dan akan turut menjejaskan nama negeri tersebut.

Gaya Bahasa

Gaya bahasa yang digunakan di dalam lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabahan ini adalah dengan penggunaan kata-kata serta penyusunan ayat yang disampaikan oleh penulis lirik lagu tersebut. Menurut Imam Mahdil Umami (2009) setiap lagu pasti mempunyai tujuan tertentu yang ingin disampaikan kepada masyarakat sebagai pendengarnya. Lagu seperti Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabahan yang mempunyai kata-kata yang jelas dan gaya bahasa yang menarik digunakan oleh komposer serta dinyanyikan oleh artis tempatan yang berasal dari negeri Sabah. Selain itu, gaya bahasa dapat diguna pakai bagi menimbulkan kata-kata yang biasa, kata sindiran serta kata perbandingan yang boleh dihasilkan daripada seseorang penulis puisi dan lirik lagu. Lirik lagu, menurut penulis termasuk karya sastera, karena diciptakan oleh manusia, menggunakan media bahasa dan menimbulkan keindahan, justeru itu, pengarang lirik mahupun puisi akan menggunakan satu gaya bahasa yang terbaik begitu juga dengan pengarang buku, novel, cerpen dan banyak lagi. Gaya bahasa yang menarik dan indah akan menarik perhatian para pendengar muzik dan memberikan kesan yang baik pada pendengar. Menurut Syarif Fitri (2017) permainan bahasa adalah berupa permainan vokal, gaya bahasa mahupun penyimpanan makna kata dan diperkuat dengan penggunaan melodi dan notasi musik yang disesuaikan dengan lirik lagu sehingga pendengar memahami mesej yang cuba disampaikan oleh pengarang. Sama seperti lirik lagu yang dipilih dalam penulisan ini yang boleh memberikan kesan yang baik pada pendengar kerana bahasa dan lirik lagu yang jelas dan mudah difahami.

Menurut Arvido Irsandi Devara Putra (2018) menyatakan penyair atau pencipta lagu melakukan permainan kata-kata dan bahasa untuk menciptakan daya tarik terhadap lirik atau syairnya. Hal ini bermakna, penulis lirik lagu menggunakan bahasa dan kata-kata yang indah dan memberikan semangat pada pendengar khususnya lirik lagu Sabah Tanah Airku pada rakyat Sabah. Dimana lagu tersebut akan dinyanyikan selepas lagu Negaraku dinyanyikan kerana lagu tersebut merupakan lagu kebangsaan negeri Sabah. Sebagai contoh lirik lagu Sabah Tanah Airku pada bait pertama yang menjelaskan tajuk lagu tersebut dan kecintaan rakyat yang ada pada negeri itu sendiri.

Gaya Bahasa Lirik Lagu Sabah Tanah Airku 1963

*Sabah tanah airku
Negeri kita yang tercinta
Pemuda pemuda semua marilah
Bangunlah bersatu semua
Marilah bersama serta maju jaya
Merdeka sepanjang masa
Bersatu segala bangsa sentosa
Sabah negeri merdeka*

Gaya bahasa dalam lirik lagu Sabah tanah airku pada rangkap pertama ini dapat dilihat dengan jelas iaitu gaya bahasa metafora. Gaya bahasa metafora dengan penggunaan kata-kata yang mempunyai makna yang tersurat bertujuan untuk memberi gambaran kepada pendengar muzik khususnya lagu Sabah tanah airku ini. Selain itu, gaya bahasa asonansi juga dapat dilihat dengan adanya pengulangan bunyi vokal dalam baris lirik lagu Sabah tanah airku. Gaya bahasa aliterasi juga dapat dilihat pada lirik lagu ini seperti pada baris pertama pengulangan bunyi konsonan dalam baris yang sama seperti yang ditunjukkan di dalam lirik lagu dia atas. Selain itu, gaya bahasa hiperbola juga merupakan salah satu gaya bahasa yang terdapat di dalam lirik lagu Sabah tanah airku. Dimana, gaya bahasa hiperbola membawa makna motivasi dengan cara penyampaiannya yang membuatkan pendengar lagu kebangsaan ini khususnya rakyat negeri Sabah menyukai lirik lagu tersebut. Gaya bahasa ini memperjelaskan lagi makna semangat nasionalisme di dalam lirik lagu Sabah tanah airku. Lirik lagu Sabah tanah

airku adalah lirik lagu yang agak pendek berbanding dengan lirik lagu yang lain kerana lirik lagu ini hanya mempunyai dua rangkap sahaja. Tidak bermakna lirik lagu yang mempunyai dua rangkap tersebut akan menyebabkan semangat nasionalisme dalam diri berkurang.

Gaya Bahasa Lirik Lagu Sabah Bangkit 2020

*Sabah tanah airku
Negeri kita yang tercinta
Pemuda-pemudi semua marilah
Bangunlah bersatu semua
Marilah bersama serta maju jaya
Merdeka sepanjang masa
Bersatu segala bangsa sentosa
Sabah negeri merdeka
Sabah bangkit
Kami bersuara
Di negeri bawah bayu
Sabah bangkit
Dari Kundasang ke puncak Kinabalu
Sabah bangkit
Anak muda
Sabah bangkit
Jangan gentar
Sabah bangkit
Kerah tenaga
Rise of the Borneo
Tiba masa kita juangkan
Laungkan semangat membara
Kita masa depan teguh melangkah
Panji north borneo
Wooo, borneo tempat kelahiranku
Lambang kebanggaan kami gunung kinabalu
Bangkitlah wahai rakyat di bawah bayu
Keep moving forward
Insyallah jadi peneraju*

Gaya bahasa yang terdapat pada lirik Sabah bangkit ialah gaya bahasa metafora. Gaya bahasa metafora merupakan gaya bahasa yang mengandungi kata-kata dan makna yang tersurat bagi memberikan gambaran keseluruhan lirik lagu tersebut dan mudah untuk difahami. Selain itu gaya bahasa hiperbola juga dapat dilihat pada lirik lagu ini. Dimana gaya bahasa hiperbola yang dibuat dan dihasilkan oleh penulis lirik bertujuan untuk memukau pendengar bagi lagu ini. Gaya bahasa asonansi juga dapat dilihat dengan jelas pada lirik lagu ini dengan adanya pengulangan

bunyi vokal pada rangkap pertama kerana terdapat pengulangan bunyi yang sama pada akhir baris lirik lagu tersebut. Gaya bahasa yang terdapat pada lirik lagu Sabah bangkit ini juga adalah gaya bahasa anafora. Gaya bahasa anafora adalah pengulangan kata pada awal baris seperti yang terdapat di dalam lirik lagu Sabah bangkit pada rangkap kedua. Pengulangan kata awal pada lirik lagu tersebut “Sabah” seperti yang dapat dilihat pada baris 1, 4, 6, 8, dan 10. Gaya bahasa apifora juga dapat dilihat pada lirik lagu ini. Dengan adanya pengulangan perkataan di akhir baris seperti yang terdapat dalam lirik lagu ini iaitu “bangkit” bagi menegaskan maksud dan keindahan irama lagu. Hal ini demikian, dapat menarik perhatian pendengar lagu untuk mendengar dan memahami makna disetiap lirik lagu yang disampaikan.

Gaya Bahasa Lirik Lagu Original Sabahan 2018

*Saya ini, Original sabahan
mantad kampung nuntunan apin apin
Jangan koti kau tidak percaya saya
menyesal nanti bila kau dengar ini
Odoi sayang, kau mahu saya sikut
tu gunung kinabalu sama sungai pagalan
baru kau mahu percaya dengan kata kataku
saya Original
Andeh kotoh mimboros oku dusun
karati ko po nangku onu ti borosonku
nokuro tu kongingis ko do nokorongou
dusun mantad keningau
Saya ini, Original sabahan
mantad kampung nuntunan apin apin
Odoi sayang, kau mahu saya sikut
tu gunung kinabalu sama sungai pagalan
baru kau mahu percaya dengan kata kataku
saya Original*

Gaya bahasa yang terdapat di dalam lirik lagu original Sabahan adalah gaya bahasa ironi iaitu gaya bahasa sindiran yang menyatakan sesuatu tetapi mempunyai makna yang lain. Oleh itu, lirik lagu yang terdapat di atas menyampaikan makna lirik lagu bahawa penyanyi tersebut berasal dari negeri Sabah kerana dalam video klip lagu original Sabahan ini, terdapat seorang wanita yang tidak mempercayai penyanyi tersebut berasal dari negeri Sabah. Dimana penyanyi bagi

lagu ini menyatakan kata sindiran kepada wanita tersebut iaitu “Odoi sayang, kau mahu saya sikut tu gunung kinabalu sama sungai pagalan”. Lirik lagu tersebut yang bermaksud kenapa kamu tidak percaya dengan kata-kata ku dan menyatakan adakah kau mahu saya bawa gunung Kinabalu di belakang saya agar engkau percaya yang saya berasal dari negeri Sabah. Gaya bahasa ini juga berfungsi untuk menggerakkan imaginasi pendengar muzik dan memberikan gambaran kepada pendengar mengenai asal usul penyanyi lagu tersebut. Selain itu, gaya bahasa asonansi dan aliterasi juga terdapat dalam lirik lagu ini. Dengan pengulangan bunyi vokal dan bunyi konsonan dalam satu baris yang sama untuk menimbulkan kemerduan bunyi, kelembutan muzik dan keindahan pada lagu tersebut.

Penanda dan Petanda

Dalam penulisan ini, pengkaji memilih teori semiotik dengan menekankan aspek penanda dan petanda bagi menganalisis makna yang terdapat di dalam lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabahan. Menurut Putu Krisdiana Nara Kusuma dan Lis Kurnia Nurhayati (2017) menerusi kajiannya semiotik, sebagaimana dijelaskan oleh Ferdinand de Saussure dalam *Course in General Linguistics*, adalah ilmu yang mempelajari peranan tanda sebagai bahagian dari kehidupan sosial. Beliau dapati teori yang dijelaskan oleh Ferdinand de Saussure adalah salah satu cara mempelajari ilmu mengenai peranan tanda sebagai sebahagian daripada kehidupan masyarakat. Menurut Dewi Kartika Sari (2018) tanda atau sign merupakan unsur fundamen dari bahasa yang tersusun dari dua komponen yang saling berkait iaitu citra-bunyi (acoustic image) sebagai komponen penanda (signifier) dan konsep sebagai komponen petanda (signified). Jelaslah bahawa teori semiotik yang digunakan dalam mengkaji semangat Nasionalisme di dalam lirik sangat sesuai dengan lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabahan dengan menekankan aspek penanda dan petanda.

Lirik Lagu Sabah Tanah Airku 1963

Penanda	Petanda
Sabah tanah airku Negeri kita yang tercinta Pemuda pemudi semua marilah Bangunlah bersatu semua	Pada bait ini penulis lirik lagu ingin membawa pendengar lagu Sabah tanah airku khususnya rakyat negeri Sabah untuk bangun dan bersatu padu bagi mempertahankan tanah air dan negeri yang tercinta dari pelbagai anasir jahat.

Lagu Sabah tanah airku merupakan lagu rasmi kebangsaan negeri Sabah yang dihasilkan oleh penulis liriknya yang bernama HB Herman. Berdasarkan aspek penanda dan petanda dalam lirik lagu Sabah tanah airku seperti di atas, lirik lagu tersebut mempunyai makna mengenai semangat cintakan negeri kelahiran dan semangat bangkit. Dalam bait pertama lirik lagu Sabah tanah airku, penulis lirik lagu mempersembahkan lagu Sabah tanah airku ini khas untuk rakyat negeri Sabah dengan semangat cintakan tanah air dan memperjuangkan negeri yang dicintai semua rakyat. Makna yang terdapat di dalam lirik lagu ini sudah jelas dinyatakan seperti diatas iaitu semangat rakyat yang bersatu padu bagi membangun sesebuah masyarakat yang cintakan tanah air. Penulis lirik lagu juga menyeru dan membawa semua pemuda dan pemudi negeri tersebut sama ada perempuan, lelaki, muda serta tua harus bangun bersama bagi mengekalkan kemerdekaan negeri mahupun negara. Hal ini kerana, dengan adanya semangat bersatu padu dalam kalangan rakyat keamanan dan kemerdekaan akan menjadi milik kita selamanya seperti yang dinyatakan pada bait lirik lagu Sabah tanah airku. Seperti yang kita ketahui, penulis lirik lagu bagi lagu kebangsaan negeri Sabah ini merupakan seorang warga Singapura yang telah menyertai pertandingan dalam menghasilkan lirik lagu dan telah berjaya memenangi pertandingan tersebut pada 16 Mei 1963. Walaupun penulis lirik lagu Sabah tanah airku ini bukan berasal daripada negeri Sabah itu sendiri, namun lirik lagu Sabah tanah airku ini telah menyampaikan mesej yang amat bermakna kepada semua lapisan masyarakat pada masa itu sehingga hari ini.

Penanda	Petanda
Marilah bersama serta maju jaya Merdeka sepanjang masa Bersatu segala bangsa sentosa Sabah negeri merdeka	Pada bait ke II dari lirik lagu Sabah tanah airku ini masih berhubungan dengan bait pertama, iaitu menyatakan bangkitlah bersama semua rakyat negeri Sabah dan maju bersama-sama dengan kemerdekaan yang dimiliki sepanjang masa tanpa mengira agama, bangsa serta kaum yang terdapat di negeri Sabah.

Makna dan mesej bagi bait ke II dari lirik lagu Sabah tanah airku ini menyatakan kepada semua rakyat negeri Sabah untuk bersama-sama dalam mengekalkan kemenangan dan kemerdekaan yang dimiliki. Penulis lirik lagu Sabah tanah airku juga menyatakan dengan jelas bahawa dengan bersatunya semua rakyat negeri Sabah mampu menjadikan negeri tersebut menjadi sebuah negeri yang merdeka sepanjang masa tidak mengira jurang perbezaan antara agama, suku kaum, bangsa dan lain-lain. Hal ini demikian, negeri Sabah terkenal dengan kepelbagaian agama, suku kaum dan bangsa. Namun tidak menjadi penghalang bagi rakyat negeri itu untuk sentiasa bersatu dalam mengekalkan kemerdekaan dan bangsa yang sentosa. Lirik lagu ini juga sangat bermakna bagi semua rakyat dan masyarakat negeri Sabah kerana lagu ini adalah lagu kebangsaan dan merupakan salah satu identiti rakyat negeri Sabah.

Lirik Lagu Sabah Bangkit 2020

Penanda	Petanda
Sabah bangkit Kami bersuara Di negeri bawah bayu Sabah bangkit Dari Kundasang ke puncak Kinabalu Sabah bangkit Anak muda Sabah bangkit Jangan gentar Sabah bangkit Kerah tenaga Rise of the Borneo	Dalam bait ini, menerangkan rakyat negeri Sabah yang bangkit dan bersuara demi keharmonian negeri di bawah bayu. Dimana, lirik lagu ini memberi semangat nasionalisme kepada rakyat negeri Sabah dengan menyatakan bangkit semua rakyat yang ada di negeri bawah bayu dan penulis lirik turut menyatakan kesemua rakyat dimana sahaja berada khususnya anak muda yang akan menjadi pemangkin negara untuk sentiasa bangkit bersama untuk memperjuangkan negeri yang terletak di Borneo.
Kita orang kita, kita jaga kita bah Jangan kasi orang tamak curi lagi bah Suara kan memang satu orang Sabah bah Time to stand together Let the world know who we are	Pada rangkap ini ingin menyampaikan mengenai hak serta keistimewaan negeri Sabah dan menyampaikan pesan yang bermakna untuk rakyat negeri itu sendiri dan tidak membiarkan keistimewaan dirampas mahupun dicuri

Dalam jadual diatas, menunjukkan makna yang jelas bahawa semangat nasionalisme yang ada pada diri setiap rakyat Sabah dan menyuarakan segala pendapat dan pandangan untuk membina sebuah negara yang bersatu padu. Lagu Sabah bangkit ini mempunyai ramai penyanyi bagi

menyanyikan lagu Sabah ini yang terdiri daripada Marsha Milan, Velvet, Elica Paujin dan ramai lagi. Dimana lagu ini dicipta oleh Aizat Amdan, Anas Amdan dan ramai lagi. Lagu yang sangat unik kerana permulaan lagu yang diambil dari lagu kebangsaan negeri Sabah iaitu lagu Sabah tanah airku dan disusuli dengan lagu Sabah bangkit berserta aluan muzik yang rancak.

Justeru itu, penulis lirik lagu Sabah bangkit ini menjelaskan rakyat Sabah yang bangkit dari pelbagai pelusuk daerah yang ada di Sabah. Hal ini kerana, pencipta lirik ingin memberikan pendapat, hasrat dan luahan hati dalam menjaga keharmonian kepada rakyat negeri Sabah dan membawa semua rakyat bersama dan bangkit untuk negeri tercinta. Menurut Wati et al. (2022) musik menjadi suatu luahan emosi jiwa, dan perasaan pencipta lirik lagu mahupun penyanyi tersebut untuk menyampaikan makna kepada pendengar. Justeru itu, semangat nasionalisme yang kuat dalam diri sehingga tidak gentar dan tidak akan menyerah dalam mempertahankan keamanan sejagat. Penulis lirik juga menekankan lirik lagu dari Kundasang ke puncak Kinabalu dalam bait ini, yang membawa makna masyarakat daerah tersebut harus bersatu padu dan bangkit bersama. Selain itu, terdapat juga nama-nama daerah lain yang ada di Sabah dinyatakan dalam lirik lagu Sabah bangkit ini. Justeru itu, penanda dan petanda dalam bait di atas ini menunjukkan bahawa penulis lirik lagu tersebut menekankan hak dan keistimewaan negeri Sabah yang tidak mudah diambil ataupun dicuri oleh kuasa luar kerana adanya semangat nasionalisme dalam diri yang sentiasa bersama menangani segala cabaran yang akan datang.

Penanda	Petanda
Tiba masa kita juangkan Laungkan semangat membara Kita masa depan teguh melangkah	Dalam bait ini, penulis lirik membawa rakyat Sabah untuk berjuang demi masa depan negeri tersebut dan terus melangkah ke
Panji north Borneo	hadapan dengan semangat yang ada pada diri.

Berdasarkan aspek penanda dan petanda dalam lirik lagu Sabah bangkit seperti yang dinyatakan diatas adalah penulis lirik lagu membawa pendengar-pendengar lagu tersebut khususnya rakyat negeri Sabah untuk berjuang dalam apa juga perkara yang mampu mengancam negeri mahupun negara kita. Selain itu, penulis lirik menyatakan laungkan semangat membara dalam lirik lagu Sa-

bah bangkit yang membawa makna sangat dalam kepada pendengar-pendengar muzik tempatan kerana mesej yang disampaikan oleh penulis menerusi lirik lagu mampu meningkatkan lagi semangat nasionalisme pada diri.

“Kita masa depan teguh melangkah” menyampaikan mesej yang berkesan dengan teruskan melangkah ke hadapan walaupun pelbagai rintangan yang akan melanda dan akan sentiasa memegang kata-kata seperti di dalam lirik lagu Sabah bangkit panji north Borneo. Seperti yang kita ketahui bukan sahaja negeri Sabah malahan negeri Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan juga dikenali sebagai Borneo seperti yang dinyatakan penulis dalam lirik lagu di atas.

Penanda	Petanda
What happened to the world can you see it now? (Stay woke) Lack of understanding kita push up Youth lower ground (what's next) What happened to peace, love, respect, & unity? Borneo bangkit, bilas kotoran korupsi Penjuru bucu banyak twisted Aku spectate buku scripted Jangan checkmate Jangan frustrate Autokrasi jangan dictate Solidarity demi jata bendera dan tanah air Humanity, merais teguh, jika roboh? Kamu tafsir(lah!)	Dalam bait ini, penulis lirik menerangkan mengenai keadaan negeri Sabah pada ketika ini. Selain itu, penulis lirik lagu juga bertanyakan soalan mengenai tanah negeri Sabah mengenai keamanan, cinta, rasa hormat serta perpaduan yang ada. Lirik lagu Sabah bangkit pada rangkap ini juga menjelaskan tanah negeri Sabah yang terhidar dari perbuatan rasuah. Penulis lirik juga membawa pendengar-pendengar lagu tersebut terus bangun dan tidak mudah kecewa demi jata bendera serta tanah air. Pada baris yang terakhir lirik lagu Sabah bangkit rakyat negeri Sabah haruslah teguh demi kepentingan negeri tersebut.

Berdasarkan lirik lagu yang terpapar di atas, aspek penanda dan petanda menjelaskan agar rakyat negeri tersebut khususnya golongan belia untuk sentiasa bangkit. Lirik lagu ini juga sudah terang lagi bersuluh menyatakan pernyataan tersebut berdasarkan judul lagu tersebut. Dalam lirik lagu Sabah bangkit juga, penulis lirik lagu ingin menyampaikan mesej kepada rakyat negeri Sabah agar tidak terlibat dan melakukan perkara yang tidak baik iaitu rasuah. Hal ini bermakna, rasuah dapat merosakkan masyarakat bangsa, agama dan negara. Dalam lirik lagu Sabah bangkit menjelaskan, rakyat sentiasa bangkit untuk memelihara jata bendera, keistimewaan dan jangan mudah kecewa demi kepentingan tanah air yang tercinta. Makna yang begitu mendalam bagi rakyat negeri Sabah mahupun negeri yang lain dapat dilihat dengan jelas pada baris terakhir lirik tersebut jika rakyat tidak bersatu padu, maka tafsir dan fahamilah apa yang akan berlaku pada

negeri yang tercinta. Pencipta lirik memberikan persoalan kepada pendengar lagu Sabah bangkit mengenai pemahaman jika rakyat ataupun masyarakat tidak bersatu padu akan menyebabkan berlakunya perkara yang tidak diinginkan. Misalnya nama negara tidak dipertahankan, keamanan sejagat dibiarkan dan banyak lagi. Jelaslah bahawa lirik lagu Sabah bangkit ini memberi mesej serta gambaran kepada pendengar lagu tersebut khususnya rakyat dan masyarakat yang berada di negeri Sabah.

Lirik Lagu Original Sabahan 2018

Penanda	Petanda
Odoi sayang kau mahu saya sikut Tu Gunung Kinabalu sama sungai Pagalan Baru kau mahu percaya Dengan kata-kataku saya original Andeh kotoh mimboros oku dusun Karati ko po nangku onu ti borosonku Nokuro tu kongingis ko do nakorongou Dusun mantad Keningau	Lirik ini menjadi petanda, dimana penyanyi lagu tersebut berasal dari negeri Sabah dan ingin memuktikannya dengan menggunakan bahasa suku kaum Dusun. Justeru itu, penyanyi juga menyatakan yang Gunung Kinabalu dan sungai Pagalan adalah bukti yang dirinya tinggal dan berasal dari negeri Sabah. Gunung Kinabalu dan sungai Pagalan yang terletak berhampiran dengan daerah Keningau di negeri Sabah. Dalam bait ini penyanyi menggunakan bahasa suku kaum Dusun yang berada di Keningau dan menjelaskan bahasa yang digunakan adalah bahasa yang berasal dari negeri Sabah untuk membuktikan dirinya seorang yang berasal dari negeri tersebut.

Lagu original Sabahan merupakan sebuah lagu yang bergenre pop dan dinyanyikan oleh artis tempatan iaitu kumpulan Atmosfera dan Floor 88 pada tahun 2018 yang diliris dibawah label RUSA Music. Penulis lirik lagu original Sabahan ini ialah Hezron Rayner, dimana lagu tersebut dihasilkan untuk membuktikan kepada perempuan yang terdapat di dalam video lagu tersebut bahawa penyanyi tersebut berasal dari Keningau. Video lagu yang menunjukkan seorang remaja perempuan yang tidak percaya dengan dua orang penyanyi lagu ini yang berasal sama seperti dirinya. Penulis lirik dan penyanyi bagi lagu ini berasal daripada negeri Sabah walaupun tidak menetap di negeri tersebut. Makna yang terdapat di dalam lirik lagu original Sabahan ini jelas dilihat melalui judul lagu tersebut iaitu original Sabahan. Menurut Regi Trianda dan Sholihul Abidin (2019) menyatakan lirik lagu adalah pernyataan seseorang tentang sesuatu yang telah dilihat, didengar atau dialami. Justeru itu, lirik lagu original Sabahan ini dijelaskan dengan situasi yang dialami oleh penyanyi lagu tersebut seperti yang dipersembahkan oleh penyanyi artis tempatan dalam lagu ini.

Seterusnya, lagu original Sabahan dinyanyikan

dengan dua bahasa yang berbeza iaitu bahasa melayu dan bahasa suku kaum Dusun. Hal ini kerana, bahasa suku kaum Dusun yang kebanyakannya terletak dikawasan perdalaman negeri Sabah. Mesej yang cuba disampaikan oleh penyanyi tersebut adalah bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai diri mereka yang berasal dari negeri Sabah dan suku kaum Dusun berasal dari daerah Keningau, seperti yang kita lihat di dalam video lagu tersebut, seorang wanita yang tidak percaya dengan dua orang penyanyi lagu original Sabahan yang berambut perang dan tidak mempercayai dua orang penyanyi tersebut berasal daripada negeri Sabah. Dimana lirik lagu yang ditunjukkan diatas bermaksud jika saya bertutur menggunakan bahasa dusun, adakah kau percaya dengan apa yang saya katakan. Justeru itu, dengan menggunakan bahasa suku kaum Dusun Keningau wanita tersebut percaya yang dua orang penyanyi lagu original Sabahan tersebut berasal di negeri Sabah. Wanita tersebut melihat dua orang penyanyi yang berasal dari daerah Keningau dengan rambut perang dan kulit berwarna putih. Oleh demikian, wanita tersebut was-was dengan penyanyi lagu ini dan bertanya kepada penyanyi lagu ini berasal dari mana sambil menggelengkan kepalanya. Selepas dua orang penyanyi lagu original Sabahan ini bertutur menggunakan bahasa Dusun, wanita tersebut melihat dengan terkejut kerana mempunyai bahasa yang sama.

Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji telah mendapati makna setiap lirik lagu tersebut dapat dianalisis menggunakan teori semiotik Ferdinand De Saussure dan lebih fokus kepada tiga buah lirik lagu iaitu lirik lagu Sabah tanah airku, Sabah bangkit dan original Sabahan. Dengan menggunakan teori semiotik penulisan ini telah berjaya menjawab kedua-dua persoalan dan objektif kajian dengan menekankan pelbagai aspek di bahagian analisis penulisan ilmiah ini. Lirik lagu tersebut memberikan kesan yang baik kepada pendengar dengan memahami makna ataupun mesej yang disampaikan oleh penulis lirik lagu.

Rujukan

- Anak Anyal, S. (2007). Kajian semiotik dari aspek watak dan perwatakan dalam naskah si bongkok tanjung puteri. [https://ir.unimas.my/id/eprint/6375/1/sanoda%20anak%20anyal\(24%20pages\).pd](https://ir.unimas.my/id/eprint/6375/1/sanoda%20anak%20anyal(24%20pages).pd)
- Ambarul Fatima Setiawati, Dara Mela Ayu, Sinta Wulandari, & Vita Agustawati Putri. (2021). Analisis gaya bahasa dalam lirik lagu “bertaut” Nadin amzah: Kajian stilistika.
- Amir Karim, M. (2020). Analisis nilai motivasi dalam lirik lagu “meraih bintang” karya parlin burman siburi-an. Analisis semiotika de saussure. *Jurnal muara ilmu sosial, humaniora, dan seni*, 4(2), 402. <https://doi.org/10.24912/jmishumsen.v4i2.8821.2020>
- Arvido Irsandi Devara Putra. (2018). Analisis semiotik lirik lagu pada album last child. <http://repository.unwidha.ac.id/1411/1/Arvido%20Irsandi%20D%20P.fix.pdf>
- Dewi Kartika Sari. (2018). Analisis semiotika lirik lagu berjudul “Online.” *Ejournal.uksw.edu*. <https://ejournal.uksw.edu/cakrawala/article/view/1629/949>
- Fina Dhea. (2021, July 2). Pengertian Musik. <https://Rumusrumus.Com/Pengertian-Musik/>
- Fitri, S. (2017). Analisa semiotik makna motivasi lirik lagu “cerita tentang gunung dan laut” Karya payung teduh. *Jurnal Komunikasi*, 8(3). <https://doi.org/10.31294/jkom.v8i3.3071>
- Hartini Mohd Ali, & Normaliza Abd Rahim. (2017). Perlambangan kata kerja dalam lirik lagu “bebaskan” Berdasarkan teori relevans (verbs symbolism in “bebaskan” Song lyrics based on relevance theory) hartini mohd ali* dan normaliza abd rahim. *Journal of Business and Social Development*, 5(1), 102–111. <https://jbsd.umt.edu.my/wp-content/uploads/sites/53/2017/04/10-perlambangan-w.pdf>
- Hisham, M. F., Md Dawam, Z. A., & Achin, I. A. (2019). Semiotic analysis on characters “terbaik dari langit.” *International journal of heritage, art and multimedia*, 124–144. <https://doi.org/10.35631/ijham.250010>
- Ismail, Z. H. (2014). Mesej nasionalisme dan islam dalam sajak-sajak zulkifli muhammad. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 25(1), 216–238. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/25691>
- Jais Abdul Hamid, Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg, Irma Wani Othman, Sharifah Darmia Sharif Adam, Mohd Tamring, B. A., & Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin. (2021). The patriotism application among secondary school history teachers in sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 42–56. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.623003>
- Kusuma, P. K. N., & Nurhayati, I. K. (2019). Analisis semiotika roland barthes pada ritual otonan di bali. *Jurnal Manajemen Komunikasi*, 1(2), 195. <https://doi.org/10.24198/jmk.v1i2.10519>
- Mohammad Haris Abd Azis. (2016). Keunggulan dan nilai lagu patriotik berdasarkan aspek pemilihan kata dalam lirik dan kesesuaian elemen muzik. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1). <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs/article/view/554/469>

- Mohd Azam Sulong, & Zaharul Lailiddin Saidon. (2014). Estetik lagu-lagu melayu popular (elmp): Satu analisis terhadap seni kata lagu | rumpun jurnal persuratan melayu. Rumpunjurnal.com. <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/62/34>
- Mohd Rumaizuddin Ghazali, & Mohd Rushdan Jalani. (2015). Kajian semangat patriotisme dan lmalaysia dalam kalangan mahasiswa di timur tengah universiti sains islam malaysia penerbit usim / usim press. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/5881/1/KAJIAN~1.PDF>
- Mudjiyanto, B., & Nur, E. (2013). Semiotics in research method of communication. Semiotika dalam metode penelitian komunikasi. Jurnal Pekommas, 16(1), 73–82. <https://jurnal.kominfo.go.id/index.php/pekommas/article/view/1160108/647>
- Putra Nugraha, R. (2016). Konstruksi nilai-nilai nasionalisme dalam lirik lagu. Analisis semiotika ferdinand de saussure pada lirik lagu “bendera”. <https://media.neliti.com/media/publications/237541-konstruksi-nilai-nilai-nasionalisme-dala-f1cf2f52.pdf>
- Rendi, Abdurahman, & Bakhtaruddin. (2013). Interpretasi makna lirik lagu-lagu grup musik erk dalam album erk: Kajian semiotika. 123dok.com. <https://123dok.com/document/ydkvnnjq-interpretasi-makna-lirik-lagu-musik-album-kajian-semiotika.html>
- Shazlin Amir Hamzah. (2020). Peranan Lagu-lagu Patriotik Popular dalam Penjenamaan Bangsa Malaysia.
- Suparta, M., Karmini, N. N., & Seniwati, N. P. (2020). Analisis semiotik lirik lagu bunga sandat. Suluh Pendidikan, 18(2), 281–290. <https://doi.org/10.46444/suluh-pendidikan.v18i2.218>
- Trinanda, E. R., & Abidin, S. (2019). Analisis semiotika dari lirik lagu esok kan bahagia yang dipopulerkan oleh group band d’masiv. Scientia journal : Jurnal Ilmiah Mahasiswa, 1(2). https://ejournal.upbatam.ac.id/index.php/scientia_journal/article/view/2603/1397
- Umami, I. M. (2009). Analisis wacana penggunaan gaya bahasa dalam lirik lagu-lagu ungu: Kajian stilistika. Dinamika bahasa dan budaya, 3(2), 201–217. <https://doi.org/10.35315/bb.v3i2.451>
- Wati, T. W. T., Ikmaliani, D. S., & Mustolehudin. (2022). Representasi makna denotasi dan konotasi dalam lirik lagu kun fayakun (Analisis semiotika Roland Barthes). Alibbaa’: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab, 3(1), 73–102. <https://doi.org/10.19105/ajpba.v3i1.5172>

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

nar

Setuju.

27.1.2023

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR